

20 JUN 2002

Umno-Reaksi (Komponen)

BUKAN MELAYU BOLEH JADIKAN UCAPAN DR MAHATHIR PERINGATAN

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Nasihat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada orang Melayu supaya berubah sikap dengan berusaha gigih untuk lebih berdaya saing, juga boleh dijadikan peringatan oleh kaum lain, kata beberapa pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN).

Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata rakyat boleh menjadikan kandungan ucapan Perdana Menteri pada Perhimpunan Agung Umno hari ini sebagai dorongan untuk memajukan diri.

Apa yang penting kita patut saling belajar antara satu kaum dengan yang lain dan dengan bekerjasama dalam pelbagai bidang, rakyat dapat mencapai integrasi nasional, katanya ketika ditemui pemberita selepas perasmian itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu pula berkata nasihat Perdana Menteri tepat pada masanya memandangkan terdapat banyak pengaruh luar yang boleh menjejaskan fikiran rakyat.

Katanya masyarakat harus menerima nasihat Dr Mahathir itu dengan melakukan beberapa perubahan bagi memperbaiki keadaan sedia ada.

"Jika tidak diterima, kita akan terjejas dan kita tidak boleh membina sebuah negara moden seperti yang diinginkan Perdana Menteri," katanya.

Presiden Parti Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berharap orang Melayu mendengar nasihat Dr Mahathir itu untuk menguatkan kedudukan mereka dan mengelak daripada dipengaruhi parti tertentu yang menyalahgunakan nama Islam.

Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata Dr Mahathir meluahkan rasa prihatinnya bukan sahaja atas kapasiti sebagai Perdana Menteri tetapi juga sebagai seorang yang cintakan bangsa.

Ucapan Dr Mahathir perlu dijadikan pengajaran khususnya generasi muda dalam menentukan hala tuju pada masa depan, katanya.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M. Kavyeas turut bersetuju bahawa ucapan Dr Mahathir itu ditujukan kepada semua rakyat di negara ini.

Rakyat perlu berusaha secara bersungguh-sungguh dalam pelbagai bidang termasuk perniagaan dan tidak terbabit dengan perniagaan secara "Ali Baba", katanya.

-- BERNAMA

RZS NM HIS BD RON